

30 Peserta Jayakan Kursus Cendawan Toksik di Sabah

Terakhir dikemaskini: Selasa, 17 Julai 2018 16:24 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 473

[Syorkan 0](#)[Kongsi](#)[Tweet](#)[Share](#)

SELASA, 17 JULAI - Seramai 30 peserta mengambil bahagian dalam “Kursus Cendawan Toksik di Sabah: Pengenalan dan Pengurusan” anjuran Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan (IBTP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini.

Kursus sehari itu antara lain bertujuan memberi pendedahan mengenai kes keracunan cendawan dan pengetahuan tentang kepelbagaian cendawan yang boleh dan tidak boleh dimakan di Malaysia.

Selain itu, ia juga dianjurkan bagi mewujudkan interaksi

dalam kalangan kakitangan kerajaan, agensi swasta dan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO).

Pada program tersebut turut menyaksikan satu rangkaian hubungan iaitu *e-mushroom emergency* berjaya diwujudkan bagi meningkatkan lagi kepekaan terhadap kes keracunan cendawan di Sabah.

Antara peserta yang hadir termasuklah wakil dari Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, Taman-Taman Sabah, Kumpulan Yayasan Sabah, Jabatan Perhutanan Sabah, Jabatan Perhutanan Sarawak, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Forever Sabah Kg. Babagon Toki, Inanam.

Kursus dikendalikan penceramah jemputan yang berpengalaman luas iaitu Pegawai Perubatan Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Kuala Lumpur, Dr. Baran Palanimuthu; Pegawai Perubatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, Dr. Michal Christina Steven; dan Penyelaras kursus berkenaan yang juga Pensyarah Kanan IBTP, Dr. Jaya Seelan Sathiya Seelan.

Majlis perasmianya disempurnakan Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi UMS, Prof. Madya Dr. Normah Awang Besar @ Raffie mewakili Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UMS.

Hadir sama Pemangku Pengarah IBTP, Profesor Madya Dr. Monica Suleiman.